

Headline	Bertalaqi di bumi anbiya		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 May 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah / <i>Rehāl</i>	Circulation	40,000
Page No	23,28,37	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	1887 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 28,701
Frequency	Daily	PR Value	RM 86,104



# Rehāl

Jumaat 12 Mei 2014  
www.sinarharian.com.my/rencana

MUTIARA JUMAAT

"ALLAH memberikan sinar kepada wajah seseorang yang mendengar hadis kemudian dia menyampaikan hadis itu sebagaimana yang didengarnya, kadang orang yang disampaikan (sesuatu kepadanya) lebih faham daripada orang yang mendengarkan". (Riwayat Tirmizi)

## Bertalaqi

### di bumi anbiya

MEMBACA al-Quran secara bersendirian tanpa meminta tunjuk ajar daripada mana-mana guru atau ustaz, ustazah bertauliah tidak digalakkan dalam mempelajari kitab ALLAH SWT ini. Sebagai Muslim menjadi tuntutan kepada kita agar berguru atau bertalaqi bagi memperbetulkan kesilapan semasa membaca al-Quran. Menjadi kewajipan kepada setiap umat Islam untuk membaca al-Quran secara betul makhraj, panjang

pendek harakatnya, di mana perlu berhenti, ketahui mengenai hukum mad, wakaf, wasal dan sebagainya. Sungguh beruntung! apabila 50 pelajar tahfiz dari 19 buah Maahad Tahfiz seluruh negara berpeluang berjumpa, bertalaqi dan bersanad dengan ulama terulung dalam bidang al-Quran. Damainya hati ini mendengar alunan bacaan al-Quran daripada mereka yang terpilih! **Lihat MURA 6**

**Jangan menunda-nunda taubat**  
➤ MS 5

**Kewajipan solat tahiyatul masjid**  
➤ MS 8

**Pejuang hak wanita, kanak-kanak**  
➤ MS 9

Headline	Bertalaqi di bumi anbiya		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 May 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	40,000
Page No	23,28,37	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	1887 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 28,701
Frequency	Daily	PR Value	RM 86,104

**S**ELEPAS kejayaan penganjuran program bertalaqi al-Quran di Sana'a Yaman tahun lalu, Pertubuhan Kebajikan Pelajar-Pelajar Tahfiz Malaysia (Tahfiz) sekali lagi menganjurkan program melibatkan 50 pelajar tahfiz dari 19 Maahad Tahfiz seluruh negara.

Istimewanya program bermula 9 Mei hingga 6 Jun ini, kumpulan pelajar dibawa menunaikan umrah dan ziarah di Masjidil Haram, Makkah.

Antara objektif utama program bertalaqi al-Quran adalah pelajar tahfiz ini telah berpeluang belajar dan memperbetulkan sebutan atau makhraj huruf dalam al-Quran. Pelajar mula belajar memperbaiki tasmiq atau bacaan al-Quran dengan mengikut sebutan yang betul di sepanjang tempoh tersebut.

Presiden Tahfiz, Datuk Mustapa Othman berkata, meskipun penganjuran program yang lepas menghadapi sedikit masalah teknikal apabila lokasi terpaksa diubah saat akhir, ia tidak mematahkan semangat Tahfiz untuk menganjurkan program kali kedua.

Menurutnya, tahun lalu, sebagaimana yang telah dirancang pelajar tahfiz ini akan bertalaqi dan bersanad di Masjidil Haram. Namun disebabkan tidak mendapat pelepasan visa daripada pihak kedutaan Arab Saudi, pihak Tahfiz telah berjumpa dan berbincang dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berhubung dengan masalah tersebut.

Hasil daripada perbincangan maka telah diputuskan untuk membawa pelajar tahfiz yang terlibat ini untuk bertalaqi dan bersanad di Sana'a, Yaman.

"Alhamdulillah, segalanya berjalan lancar dan program dapat dianjurkan dengan baik berkat sumbangan dan penajaan korporat dari Lembaga Tabung Haji dan CIMB Islamic Bank.

"Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mengiktiraf program dan kita harap agar CIMB Islamic dan juga Lembaga Tabung Haji akan terus menjadi rakan ilmu kepada program ini untuk penganjuran seterusnya," katanya.

Menurut beliau, bagi membantu kumpulan pelajar tahfiz asnaf, kali ini pelajar terbaik akan dipilih untuk ditemu duga oleh Universiti Madinah bagi membolehkan mereka meneruskan pengajian agama di universiti itu dengan ditaja sepenuhnya.



TUAH 50 PELAJAR TAHFIZ BERPELUANG BERTALAQI, BERSANAD DI YAMAN

## Lahir tahfiz, ulama berwibawa

### SUMBANG RM230,000

CIMB Islamic menyatakan kesediaan untuk terus menyokong usaha murni Tahfiz menganjurkan program ini.

Pengarah Eksekutif CIMB Islamic, Badliyah Abdul Ghani berkata, program bertalaqi pada tahun lepas boleh dianggap sebagai program yang berjaya walaupun berdepan dengan pelbagai masalah logistik di peringkat awal penganjurannya.

Menurut beliau, perancangan Tahfiz untuk membawa pelajar terpilih ke Makkah tidak menjadi disebabkan pelbagai kekangan.

Ini termasuk masalah mendapatkan visa untuk memasuki Makkah pada Ramadan 1434H.

Kesudahannya pelajar tersebut dihantar untuk menjalani program bertalaqi di Sana'a, Yaman.

Ini merupakan satu hikmah besar apabila kumpulan pelajar terpilih mendapat layanan yang begitu baik dan selesa sekali di Sana'a, bumi golongan anbiya yang penuh dengan keberkatan.

"Pembaitan CIMB Islamic sebagai Rakan Ilmu pada pendapat saya masih belum boleh dikategorikan sebagai satu sumbangan besar kepada masyarakat.



BADLIYAH

"Ia merupakan satu usaha berterusan dalam proses memartabatkan al-Quran yang merupakan asas utama dan asbab kesinambungan ajaran Islam yang suci sehingga ke hari ini.

"Pada tahun lepas, CIMB Islamic menaja seramai 25 orang daripada keseluruhan 50 orang pelajar Tahfiz dari seluruh negara untuk mengikut program tersebut selama 30 hari.

"Ia merangkumi pembiayaan kos penerbangan dan pengangkutan, penginapan, makan minum pelajar dan juga duit saku selama mereka menuntut di Sana'a," katanya.

Ketika ditanya mengenai penajaan untuk program kali ini, beliau menyatakan kesediaan untuk meneruskan sokongan kepada program bertalaqi ini.

"Alhamdulillah, setelah bertemu dengan Pengerusi Persatuan Tahfiz, Datuk Mustapa Othman beberapa bulan lepas, saya amat berbesar hati apabila

diberitahu Tahfiz akan menganjurkan buat kali kedua program Talaqi dan



Sekumpulan pelajar bertalaqi bersama ulama yang arif dalam bidang al-Quran.



Pelajar tahfiz terpilih ini menjamu juadah berbuka puasa dengan hidangan yang menyelerakan.

Headline	Bertalaqi di bumi anbiya		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 May 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	40,000
Page No	23,28,37	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	1887 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 28,701
Frequency	Daily	PR Value	RM 86,104

Sanad pada tahun ini.

"Ini satu kesinambungan dan momentum yang amat dipuji, ditambah pula pelajar dibawa ke Madinah untuk menjalani program itu tahun ini.

"Insya-ALLAH, CIMB Islamic telah memperuntukkan sebanyak RM230,000 pada tahun ini untuk membiayai jumlah pelajar yang sama seperti tahun lepas, iaitu seramai 25 orang," katanya.

Beliau yang juga Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Islamic berkata, peluang untuk CIMB Islamic terus membantu dalam program anjuran Tahfiz ini sentiasa terbuka luas dan merupakan sesuatu yang boleh dipertimbangkan.

Tambahnya, cuma apa yang disarankan, tanggungjawab untuk membantu sesebuah badan amal seperti Tahfiz tidak harus diletakkan di atas bahu satu-satu badan korporat sahaja.

"Tanggungjawab ini haruslah dipikul bersama badan korporat lain.

"Kami berharap lebih banyak badan korporat lain dapat meletakkan program Tahfiz sebagai teras aktiviti tanggungjawab korporat mereka," katanya.

Program ini, tambahannya, berkemampuan untuk melahirkan lebih ramai huffaz yang berkualiti dan berakreditasi serta mahir dan lancar. Ia bukan sahaja dari segi pembacaan mereka menerusi kaedah hafazan sempurna dan tartil, bahkan juga dari sudut makna ayat al-Quran tersebut.

Melalui pendedahan yang diberikan dan pengalaman menuntut ilmu jauh daripada keluarga dan kampung halaman seusia muda belasan tahun berpotensi mendidik pelajar terlibat dari sudut ketahanan mental dan fizikal serta mendorong pelajar membuka minda mereka kepada persekitaran yang lebih luas dan mencabar," katanya.

Jelas Badlisyah, CIMB Islamic menyokong program sebegini kerana pihaknya ingin melihat lebih ramai tahfiz di negara ini dalam kalangan profesional yang berkecimpung dalam



Berkesempatan melawat Darul-Hajar (Istana Batu) Istana Jama setinggi lima tingkat milik Imam Yaman iaitu Imam Yahya Muhammad Hamidn (Imam Zaidiyah), 15 km dari Sana'a. Istana ini terletak di atas puncak bukit batu yang tinggi di dalam kawasan Lembah Wadi Dhahr.

industri teknikal seperti kewangan, perubatan dan kejuruteraan.

CIMB Islamic telah membuat keputusan untuk mengekalkan tajaan sebagai "Rakan Ilmu" pada tahun ini untuk membantu meringankan beban kewangan yang ditanggung Tahfiz berikutan ini yang memerlukan kos yang agak tinggi kerana diadakan di luar negara.

#### **BANTU MASYARAKAT**

Badlisyah berkata, CIMB Islamic sebagai badan korporat dan entiti perniagaan yang dinaungi oleh masyarakat.

"Tanpa sokongan daripada masyarakat, siapalah kami. Atas dasar inilah saya memandang serius



MUSTAPA

pembaitan kami sebagai badan korporat yang perlu mencari ruang dan peluang yang serasi dengan penglibatan kami dalam industri berlandaskan syariah untuk menyumbang kembali kepada masyarakat," katanya.

Menurut Badlisyah, CIMB Islamic telah salurkan dana berjumlah RM250,000 baru-baru ini untuk satu program kebajikan di bawah Perbadanan Tabung

Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang dipanggil Dana Bantuan Pelajar 1Malaysia.

Melalui dana ini, CIMB Islamic secara tidak langsung dapat membantu pelajar-pelajar daripada keluarga yang berpendapatan rendah atau miskin meneruskan cita-cita untuk melanjutkan

pelajaran ke universiti-universiti awam atau swasta di Malaysia melalui pakej pembiayaan istimewa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada mereka.

Selain itu, sebanyak RM300,000 disumbangkan kepada Malaysian Relief Agency untuk projek membina semula 300 buah penempatan penduduk kampung di Padang, Indonesia bagi menggantikan penempatan lama yang telah rosak teruk akibat dari gempa bumi bersekala 7.6 Richter yang telah melanda kepulauan Sumatera pada tahun 2009.

Terakhir, sebanyak RM 1 juta disumbangkan pada akhir tahun lepas bagi membantu mangsa-mangsa banjir di Pantai Timur Semenanjung Malaysia terutama sekali di negeri Pahang yang terjejas teruk. Dana tersebut disalurkan kepada Persatuan Bulan Sabit Merah dan juga melalui cawangan-cawangan perbankan CIMB di sana.